

SOALAN E-LEARNING BERKAITAN RASUAH

1. Apakah itu rasuah?
 - Secara amnya, rasuah merupakan suatu perbuatan sama ada memberi atau menerima sesuatu yang berbentuk wang tunai atau barangan berharga sebagai upah bagi melakukan suatu perbuatan yang mempunyai kaitan dengan bidang tugas seseorang itu.

2. Apakah kesalahan meminta/menerima rasuah?
 - Mana –mana orang atau ejen meminta/ menerima satu suapan (rasuah) sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara.

3. Apakah kesalahan memberi suapan?
 - Mana- mana orang menawar / memberi rasuah kepada seseorang ejen / pegawai awam sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara berkaitan hal ehwal ejen / pegawai awam tersebut.

4. Apakah kesalahan salah guna jawatan / kedudukan ?
 - Pegawai badan awam menggunakan kedudukannya dalam membuat keputusan atau mengambil apa – apa tindakan berhubung dengan sesuatu perkara di mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.

5. Apakah rasuah hanya berbentuk wang sahaja ?
 - Rasuah boleh jadi dalam bentuk wang tunai, hadiah, bonus, perkhidmatan (seperti seks), jawatan, upah, diskaun, pinjaman dan sebagainya.